



SURAT TERBUKA DOKTOR² ISLAM PADA MAHATHIR

27 JUL 1991

Saudara Pengarang,

ASSALAMUALAIKUM warahmatullahi
A wabarakatuh.

YAB Dato' Sri Dr. Mahathir.
Semoga YAB dan keluarga dalam keadaan
sihat sejahtera. Kami berdoa agar kita
bersama-sama termasuk dalam golongan
mereka yang mendapat rahmat dan petunjuk
dari Allah S.W.T.

Bagi pihak Persatuan Perubatan Islam
Malaysia (PPIM) yang ahli-ahlinya terdiri
daripada doktor-doktor muslim di negara
ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada
YAB Dato' Sri yang telah berusaha untuk
meningkatkan taraf kemakmuran serta ke-
majuan Negara Malaysia yang dicintai ini,
terutama sekali dari segi taraf perkhidmatan
kesihatan yang mana adalah satu ukuran
yang penting dalam kemajuan negara. Saya
bersyukur kerana negara ini aman makmur
serta maju jika dibandingkan dengan negara
jiran yang lain.

Saya yakin ini adalah satu kesan yang
begitu membanggakan dan memang tidak
dapat dinafikan lagi adalah hasil pimpinan
YAB. Kemajuan yang amat pesat dan pe-
ningkatan taraf hidup yang mengagumkan
ini diharap akan dapat diteruskan lagi.
Insya-Allah. Sekali lagi tahniah atas kejaya-
an YAB dan saya berdoa agar segala usaha
yang murni ini akan mendapat ganjaran
yang besar dari Allah S.W.T.

Persatuan Perubatan Islam Malaysia
(PPIM) mengalu-alukan usaha YAB untuk
meninggikan taraf perkhidmatan kesihatan
di negara ini dan salah satu saranan yang
telah YAB kemukakan ialah mengkaji idea
untuk membenarkan doktor-doktor luar ne-
gara bekerja di sini. Ini juga diharapkan
dapat membendung penghijrahan doktor-
doktor yang sedang berkhidmat dengan ke-
rajaan keluar ke sektor swasta. Seterusnya
dengan ini diharapkan kos perkhidmatan
kesihatan di sektor swasta akan turun dan
dinikmati oleh lebih ramai lagi masyarakat
umum.

Bagi PPIM, kami merasakan saranan ini
dikhuatiri dapat menyelesaikan masalah
yang ada masa kini ataupun di masa akan
datang. Pertama, doktor-doktor yang akan
berkhidmat di sini adalah mereka yang da-
tang kerana wang dan bukan bertujuan un-
tuk berkhidmat di tanahair sendiri. Kita
tidak dapat menafikan mereka yang benar-
benar berjaya dan menonjol dalam bidang
masing-masing tentu lebih suka tinggal di
negara mereka atau pergi ke negara lain
yang lebih baik ganjaran kewangannya. Juga
ketidakeimbangan nisbah doktor dan pen-
duduk akan berterusan kerana mereka tentu

lebih suka berpusat di bandar-bandar besar
yang lebih berpotensi dari segi ekonomi dan
bukannya di pedalaman.

Di sini disenaraikan masalah yang utama
saya percaya YAB sudah sedia maklum ber-
hubung dengan perkhidmatan kesihatan di
negara ini ialah.

1. Nisbah doktor dan penduduk yang be-
lum dapat dicapai (1:1500).
2. Kekurangan doktor-doktor terutama
doktor-doktor pakar di hospital kerajaan
dan juga di luar bandar seperti di Sabah/Sa-
rawak.
3. Ramainya doktor-doktor terutamanya
doktor-doktor pakar yang berhenti untuk
berkhidmat di hospital swasta.
4. Kekurangan kemudahan perubatan di
hospital kerajaan seperti kekurangan katil-
katil, alat pemeriksaan.
5. Suasana perkhidmatan yang tidak
menggalakkan seperti kekurangan alat serta
kakitangan yang terlatih serta insentif yang
amat sedikit dan juga beban kerja yang ter-
lalu banyak.

Berikut adalah beberapa saranan kami se-
bagai memberi input kepada masalah yang
harus ditangani bersama oleh pihak kerajaan
serta semua golongan yang terlibat untuk
meninggikan lagi taraf kesihatan di negara
ini.

1. Kami berharap pihak kerajaan mengkaji
dengan serius skim perkhidmatan perubatan
yang tidak munasabah. Kita sedia maklum
yang kursus kedokteran mengambil masa
yang lama dan tugasnya pula agak cemerlang
dari segi masa, beban kerja dan tanggungja-
wab. Ini haruslah diberi penekanan dalam
ganjaran yang diberikan untuk menarik le-
bih ramai doktor-doktor berkhidmat dengan
kerajaan. Kerajaan seharusnya tidak me-
nyamakan skim perkhidmatan perubatan ini
dengan pegawai yang lain kerana sebab-
sebab yang begitu nyata. Ganjaran yang di-
berikan hendaklah setimpal dengan bidang
tugas, tanggungjawab serta tenaga yang di-
sumbangkan. Ini belum lagi mengambilkira
'market value' yang amat tinggi bagi doktor-
doktor jika dibandingkan dengan profesion
lain di Malaysia.

2. Diharapkan kerajaan memberi perhati-
an dan mengambil langkah yang positif da-
pat memberi suasana kerja yang lebih baik
untuk mencapai hasil kerja yang cemerlang.
Ini termasuk alat-alatan, kakitangan sokong-
an yang lain serta kemudahan kesihatan.

3. Kita menyedari yang dari segi hakikat-
nya kita mempunyai lebih ramai doktor di-
bandingkan dengan dahulu walaupun nis-

bah doktor dan penduduk belum dicapai
Kami merasakan yang Kementerian Pen-
didikan haruslah memikirkan untuk me-
nambahkan lagi bilangan graduan tiap-tiap
tahun dari ke tiga-tiga universiti yang sedia
ada. Untuk menambahkan lagi bilangan pe-
lajar perubatan, Kementerian Pendidikan
haruslah mengambilkira bilangan tenaga
pengajar yang mahir dan layak untuk men-
didik pelajar-pelajar tersebut. Juga kemu-
dahan lain haruslah dipertingkatkan sejajar
dengan penambahan bilangan pelajar nanti.

4. Berhubung dengan perkara di atas kami
menyeru pihak kerajaan supaya memperce-
patkan lagi penubuhan fakulti perubatan di
UIA dan di mana-mana jua untuk menam-
pung keperluan masyarakat di negara ini.

5. Untuk mengelakkan lebih ramai lagi
doktor daripada meninggalkan perkhid-
matan kerajaan, mereka haruslah diberi pe-
luang untuk berkhidmat di sektor swasta se-
perti yang terdapat di kebanyakan negara
lain. Dengan ini kedudukan ekonomi mere-
ka adalah baik dan tidak timbul masalah
penghijrahan ke sektor swasta.

Saya percaya memang ramai yang ingin
terus berkhidmat dengan kerajaan kerana
mereka merasa bertanggungjawab untuk
memberi perkhidmatan kepada masyarakat,
tetapi kerana skim atau ganjaran yang tidak
menarik, mereka terpaksa membuat pilihan
untuk ke sektor swasta dan saya percaya
pengalaman YAB sebagai seorang doktor
perubatan satu masa dulu memberi perspek-
tif yang tepat dalam hal ini.

Seperti YAB sedari tentang kos yang ting-
gi di hospital-hospital swasta, hospital-
hospital ini masih maju dan berkembang.
Ini ialah kerana ekonomi negara ini pesat
maju di bawah pimpinan YAB dan dengan
banyaknya program penswastan yang dija-
lankan, maka para doktor tidak ketinggalan
seperti ahli-ahli koporat yang lain ingin me-
ningkatkan ekonomi masing-masing.

Saya bagi pihak Persatuan Perubatan Is-
lam Malaysia, berharap agar saranan kami
ini diambilkira kerana memang cita-cita ka-
mi berusaha bersama untuk meningkatkan
lagi prestasi perkhidmatan kesihatan teruta-
ma di sektor kerajaan kerana kita menyedari
yang golongan masyarakat yang kurang ber-
ada adalah kumpulan terbanyak yang da-
tang ke hospital-hospital kerajaan.

Sekian, kami berdoa agar negara ini terus
maju dan kukuh dan berjaya dalam semua
bidang di bawah pimpinan YAB terutama-
nya peningkatan prestasi perkhidmatan ke-
sihatan. — DR. ISHAK M.D. SOOD.